

SULIT  
3755/2  
PERDAGANGAN  
Kertas 2  
Ogos 2011  
2 jam

3755/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2 *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu daripada Bahagian B.*
- 3 *Jawapan hendaklah dituliskan dalam kertas tulis yang disediakan.*
- 4 *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[ 75 markah ]

*Jawab tiga soalan sahaja*


- 1 (a) Rajah menunjukkan Model Hierarki Keperluan Maslow



Huraikan X?

(3 markah)

- (b) Rajah berikut menunjukkan cabang pengeluaran



Jelaskan :

(i) Y

(3 markah)


(ii) Z

(3 markah)

[Lihat halaman sebelah



- (c) Gambar berikut menunjukkan aktiviti pengeluaran dalam kilang, milik Encik Azam




- (i) Terangkan **tiga** faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti tersebut? (6 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** jenis pengkhususan yang diamalkan dalam aktiviti pengeluaran itu. (2 markah)
- (iii) Mengapakah Encik Azam mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran di kilangnya? (4 markah)
- (d) Jadual berikut berkaitan bantuan perniagaan

Bantuan perniagaan	Peranan
T	Membiayai modal perniagaan

- (i) Apakah T? (1 markah)
- (ii) Jelaskan **tiga** peranan lain untuk T. (3 markah)

[Lihat halaman sebelah

2. (a) Rajah berikut menunjukkan saluran agihan bagi beras berjenama Herba Jati.



Terangkan **tiga** faktor yang mempengaruhi pengeluar beras itu untuk memilih saluran agihan tersebut. (6 markah)

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan sejenis peruncit besar-besaran



- (i) Nyatakan jenis perniagaan runcit tersebut? (1 markah)
- (ii) Jelaskan **empat** kelebihan perniagaan itu kepada peniaga. (4 markah)
- (iii) Berikan **tiga** keadaan lain yang membolehkan fungsi pemborong diambil alih. (3 markah)
- (c) Berikut adalah catatan pembelian barang yang dibuat oleh Syarikat BYT

Tarikh	Dokumen	Jumlah
1 Januari 2011	Penyata akaun	RM 375.00
7 Januari 2011	Invois	RM 550.00
10 Januari 2011	Nota debit	RM 120.00
25 Januari 2011	Resit	RM 250.00

- (i) Mengapakah Syarikat BYT menerima nota debit pada 10 Januari 2011? (2 markah)
- (ii) Hitungkan amaun yang perlu dijelaskan oleh Syarikat BYT pada 30 Januari 2011. (5 markah)

[Lihat halaman sebelah


- (d) (i) Apakah kaedah jualan yang digunakan di pasar raya? (1 markah)
- (ii) Jelaskan **tiga** kelebihan kaedah jualan tersebut kepada pemilik pasar raya. (3 markah)

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan kepentingan perniagaan antarabangsa.

- Memenuhi keperluan dan kehendak
- Menikmati barang berkualiti pada harga rendah

Terangkan **tiga** kepentingan lain perniagaan tersebut kepada pengguna. (6 markah)

- (b) Gambar merujuk kepada cara memulakan perniagaan oleh Puan Indrawati dan Encik Budiman



- (i) Nyatakan cara yang digunakan oleh:
- Puan Indrawati (1 markah)
  - Encik Budiman (1 markah)
- (ii) Mengapa Puan Indrawati memilih cara tersebut? (5 markah)


[Lihat halaman sebelah

SULIT

6

3755/2

- (c) Graf menunjukkan perubahan harga syer Syarikat Excel Berhad daripada Januari 2010 – Jun 2011



Jelaskan faktor yang mempengaruhi harga syer tersebut.

(6 markah)

- (d) Dialog berikut antara Encik Kamal dan Encik Zaidi

Encik Kamal : Tahniah, baru bersara... banyak dapat imbuhan?

Encik Zaidi : Terima kasih, adalah lebih kurang RM 200,000  
Saya merancang untuk melabur.

Encik Kamal : Bagus! tapi awak perlu pertimbangkan beberapa faktor sebelum melabur

Terangkan tiga faktor sebelum melabur yang dimaksudkan oleh Encik Kamal?

(6 markah)


[Lihat halaman sebelah

SULIT

7

3755/2

- 4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis sistem perbankan



- (i) Apakah X dan Y? (2 markah)
- (ii) Nyatakan tiga perbezaan antara X dan Y (6 markah)
- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran yang digunakan oleh Hotel Saujana.

Hotel Saujana telah membuat pembayaran gaji bulanan kepada pekerjaanya melalui bank.

- (i) Apakah kemudahan pembayaran tersebut? (1 markah)
- (ii) Jelaskan kemudahan pembayaran di b (i) (4 markah)
- (c) Situasi berikut berkaitan Puan Suria yang menggunakan sejenis perkhidmatan bank.

Pn Suria seorang peruncit alat tulis mempunyai akaun semasa di Bank Epexx Berhad. Beliau mengalami kekurangan modal pusingan yang perlu diatasi dengan segera.

Terangkan jenis kemudahan bank yang dapat membantu Puan Suria.

( 4 markah)

[Lihat halaman sebelah

- (d) Maklumat berikut adalah mengenai sebuah syarikat pembekal minuman.

Syarikat Enak & Segar membekalkan minuman ke pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara dari gudangnya di Shah Alam. Untuk menampung permintaan yang semakin meningkat, syarikat ini telah membeli 4 buah van dan mengambil 8 orang pekerja baru untuk melancarkan lagi sistem pengedarannya.

Terangkan **empat** jenis insurans yang perlu diambil oleh Syarikat Enak & Segar.

(8 markah)

- 5 (a) Logo merujuk kepada agensi pengangkutan.



Jelaskan fungsi agensi tersebut.

(4 markah)

- (b) Maklumat berikut berkaitan perkhidmatan telekomunikasi.

Encik Azizul menjalankan perniagaan pesanan mel. Pelanggannya membuat pesanan melalui perkhidmatan lisan dan audio visual.

Terangkan jenis perkhidmatan lisan dan audio visual yang sesuai digunakan.

(6 markah)

- (c) Jelaskan jenis gudang berikut.

(i) Gudang penyeteran sejuk


(3 markah)

(ii) Gudang kerajaan

(3 markah)

[Lihat halaman sebelah

- (d) Gambar berikut menunjukkan sejenis promosi.



Terangkan jenis promosi itu.

(3 markah)

- (e) Slogan berikut berkaitan hak pengguna.

SATU PENGGUNA  
SATU SUARA

Slogan A

CINTAILAH  
SUNGAI

Slogan B

Terangkan hak pengguna yang berkaitan dengan:

- (i) Slogan A (3 markah)

- (ii) Slogan B (3 markah)

[Lihat halaman sebelah

**Bahagian B**

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Encik Mazlan pemilik Syarikat Kraf Unik Sendirian Berhad menghasil dan mengedarkan pelbagai kraf tangan untuk pasaran tempatan. Pemasaran juga dibuat melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM). Produk kraf yang dihasilkan adalah berasaskan bahan mentah tempatan. Syarikat itu telah mencipta sejenis kraf tangan baru bertemakan 'Satu Malaysia'. Tambahan pula campuran pemasaran yang digunakan oleh syarikat itu sangat berkesan. Produk syarikat itu telah mewujudkan pasaran dalam kalangan pelancong yang mengunjungi Malaysia. Permintaan terhadap produk keluaran Syarikat Kraf Unik Sendirian Berhad semakin meningkat.

Kini Syarikat Kraf Unik Sendirian Berhad telah mendapat pesanan daripada Pejabat Pelancongan Malaysia di negara Eropah dan China untuk membekalkan keluaran terbarunya. Walaupun beliau dikehendaki menyiapkan pesanan tersebut dalam masa yang singkat, namun beliau bersetuju untuk membekalkannya.

Masalahnya Encik Mazlan kurang arif tentang prosedur eksport dan pemilihan jenis pengangkutan untuk penghantaran segera ke Negara Eropah dan China .Oleh yang demikian beliau telah menghubungi sebuah agensi kerajaan untuk mendapatkan bantuan khidmat nasihat.

Atas desakan untuk memenuhi permintaan yang banyak dalam masa yang singkat, maka pekerja pengeluaran diminta bekerja lebih masa termasuk pada cuti am.Tindakan Encik Mazlan telah menimbulkan rungutan dalam kalangan pekerja. Salah seorang pekerja syarikat tersebut telah membuat aduan kepada Jabatan Sumber Manusia kerana tidak puas hati dengan waktu bekerja dan ganjaran yang diterima oleh mereka. Atas nasihat pegawai Jabatan Sumber Manusia, Encik Mazlan telah berusaha meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di syarikatnya.

Berdasarkan situasi tersebut jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Terangkan dua ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Mazlan (4 markah)
- (ii) Jelaskan tiga sumbangan Encik Mazlan sebagai seorang usahawan. (3 markah)
- (b) Apakah campuran pemasaran yang diamalkan oleh syarikat tersebut. (6 markah)

**SULIT**

11

3755/2

- (c) (i) Apakah agensi kerajaan yang membantu Encik Mazlan dalam urusan eksport. (1 markah)
- (ii) Nyatakan dua peranan agensi di c(i) (2 markah)
- (d) Apakah jenis pengangkutan yang sesuai dipilih oleh Encik Mazlan Berikan alasan anda. (5 markah)
- (e) Bagaimanakah Encik Mazlan dapat meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di syarikatnya (4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**